

NO SOALAN : 90

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN ANUAR BIN ABD.
MANAP
(SEKIJANG)**

**TARIKH : 26.5.2016
(KHAMIS)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan bentuk-bentuk perjanjian dan kesefahaman yang telah dipersetujui dan dijalankan oleh Kerajaan pada Pameran dan Persidangan Perkhidmatan Pertahanan Asia (DSA) 2016 bulan lalu serta implikasi kewangan ke atas Kerajaan terhadap perjanjian tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pameran Defence Service Asia (DSA) 2016 menyaksikan sebanyak 14 perjanjian Kontrak dan Surat Setuju Terima (SST) yang melibatkan implikasi kewangan kepada Kerajaan bernilai RM 2.9 bilion. Manakala 10 Surat Niat/ Program Offset/ Memorandum Perjanjian/ Memorandum Persefahaman turut dimeterai melibatkan Kerajaan Malaysia, syarikat/ industri pertahanan tempatan dan antarabangsa yang tidak melibatkan implikasi kewangan kepada kerajaan.

Bentuk Kontrak dan Surat Setuju Terima (SST) yang telah ditandatangan termasuklah perolehan peralatan dan kelengkapan pertahanan bagi ketiga-tiga perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang meliputi 2 kontrak bernilai RM0.91 bilion bagi ATM, 7 kontrak / SST bernilai RM0.61 bilion bagi Tentera Darat (TD), 3 kontrak / SST bernilai RM1.233 bilion untuk Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan 2 kontrak / SST bernilai RM150 juta bagi Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).

Pameran DSA 2016 juga telah membuka peluang kepada syarikat industri pertahanan tempatan dan antarabangsa untuk mengadakan kerjasama strategik dan perkongsian pintar yang akan dilaksanakan melalui Program Offset/ Memorandum Perjanjian/ Memorandum Persefahaman.